

## APA MAKNANYA PILIHAN RAYA DALAM NEGERI PERSEKUTUAN

(oleh Edrus)

Sebagaimana yang saya telah janjikan di dalam keluaran yang lalu maka di sini saya suka membawa pembaca-pembaca kepada masalah berkerajaan sendiri dan tentang pilihan raya di negeri-negeri Melayu yang sedang berjalan ura-uranya itu. Perjanjian Federation baharu berjalan 3 tahun. Di dalam perjanjian Federation itu ada termaktub suatu perjanjian di antara pihak pertadbiran dengan orang-orang Melayu iaitu pihak kerajaan berusaha untuk melayakkan orang-orang Melayu bagi memerintah di dalam negerinya sendiri. Jika kita perhati apa yang telah berjalan dan apa yang terjadi kepada orang-orang Melayu untuk “melayakkan diri mereka berperintahan sendiri” itu sudah tentu orang-orang Melayu tidak akan mempercayai bahawa melayakkan mereka memerintah itu telah sampai masanya yang nanti telah diselenggarakan oleh kerana melayakkan pertadbiran pemerintahan bagi orang Melayu itu ialah meninggikan taraf pelajaran orang-orang Melayu kerana jika tidak dengan pelajaran itu harus akan menjadi mustahil orang Melayu boleh memerintah di dalam negerinya sendiri.

Tiga tahun telah berjalan menurut segi-segi yang terang dan nyata, melayakkan mentadbir di dalam tangan orang-orang Melayu itu boleh dikata belum ada tempatnya bahkan orang-orang Melayu sendiri khuatir apabila pegawai-pegawai yang telah tua yang memegang teraju pemerintahan sekarang bersama maka mereka akan payah mengisinya dan harus mereka akan khuatir dengan keadah-kaedah yang ada sekarang harus jawatan-jawatan itu nanti akan terlepas daripada tangan orang Melayu bukannya lain orang sedang orang-orang untuk mengantikannya belum lagi didapat dengan secukupnya. Jangankan bagi jawatan-jawatan yang besar sedang jawatan-jawatan yang kecil pun harus tidak akan memadai oleh kerana kelulusan-kelulusan orang-orang Melayu daripada pelajaran-pelajaran adalah sangat-sangat mengecewakan.

Dengan adanya pemerintahan sendiri yang diura-urakan dengan setapak ke setapak itu apabila dikaitkan pula dengan rancangan membukakan pula jabatan-jabatan tadbir kepada anak-anak dagang

yang telah dituntut dari semasa ke semasa oleh anak-anak dagang itu dari dahulu lagi bahkan yang demikian itu telah menerbitkan irihati mereka itu kepada orang-orang Melayu.

Maka sudah tentu dengan berdirinya kerajaan yang dianjurkan dengan cara meletakkan harap penduduk sebagai bangsa Malayan, orang-orang Melayu akan menderita sebab maslahat mengutamakan mereka akan habis oleh kerana mereka bukannya lagi akan menghadapi pertentangan iktisad yang kuat daripada mereka itu bahkan di dalam pelajaran pun tertinggal yang dengan kerananya di dalam pertadbiran telah ke belakang dan tidak pula dapat bersaing dengan mereka itu.

Dengan keadah yang semacam ini di dalam apa-apa jabatan jua pun keadaan orang Melayu akan menjadi seperti keadaan di Singapura ini. Semua jabatan-jabatan boleh dikata dipenuhi oleh anak-anak dagang, di dalam jabatan-jabatan polis yang menjadi mata-mata yang terbanyaknya orang Melayu tetapi yang berkecualikan menjadi pegawai-pegawainya ialah anak-anak dagang – Saya tidak menafikan bahawa sebabnya kerana tidak ada kelayakkan mereka tetapi jika dibalikkan semula kepada pelajaran untuk melayakkan mereka itu tidak lain dan tidak bukan ialah kerana pelajaran-pelajaran yang diberi kepada orang-orang Melayu itu tidak dapat melayakkan mereka memegang jawatan-jawatan itu dikecualikan kepada golongan-golongan yang sedikit jua.

Dengan keadaan yang demikian ini, apabila kita halusi maka rancangan hendak menubuhkan berkerajaan sendiri sebagaimana yang sedang diura-urakan itu harus tidak akan mendapat manfaat kepada orang Melayu oleh kerana ura-ura pertadbiran itu dipuncakan kepada asas cita-cita sebagaimana juga yang dibawa oleh Sir Harold Mac Michael dahulu meMelayankan negeri-negeri Melayu hanya caranya sahaja berubah, dahulu dengan cara kekerasan tetapi sekarang dengan cara lembut dengan menggunakan cara berunding yang halus dengan

suatu tadbir yang menurut pandangan saya hak orang Melayu dijadikan sehidang bersama-sama dengan anak-anak dagang oleh kerana desakan anak-anak dagang itu sangat kuat.

Terpisahnyanya Singapura daripada Tanah Melayu sebagai sebuah kerajaan dahulu itu, yang dijalankan sekarang, tidak lain coraknya adalah menguntungkan kepada anak-anak dagang oleh kerana daripada Singapura inilah mereka akan mengharamkan Tanah Melayu itu dengan orang-orang mereka yang boleh dikatakan banyak lagi masuknya dan apabila mereka didesak sahaja dengan peraturan menahan orang-orang masuk yang baharu diisytiharkan maka pertubuhan perniagaan Cina serentak bergerak membantah langkah-langkah itu – mengapa? Adakah mereka tidak berpuashati dengan adanya mereka yang banyak di sini dengan melebihi daripada orang Melayu itu? Ketibaan mereka ke Singapura bermakna luas ke Tanah Melayu dan sudah tentu dengan hak-hak yang diberi sekarang tatkala diadakan pilihan sudah tentu mereka itu akan menduduki kerusi yang lebih, suara iktisad mereka kuat, kebolehan mereka ada dan jika ura-ura menjadikan bangsa Melayu itu bangsa Malayan berjaya maknanya orang Melayu hilang

di tanah airnya, orang Melayu akan menjadi terbalik – anak dagang jadi penduduk sedang orang Melayu jadi penumpang.

Orang Melayu mesti mencemburui kepada tiap-tiap langkah yang digerakkan. Langkah-langkah melainkan orang Melayu itu bukan sahaja lagi terletak di atas kertas tetapi sudahpun berjalan. Pilihan-pilihan raya untuk melantik wakil-wakil di dalam majlis-majlis yang akan dijalankan itu ialah suatu langkah yang telah memberi hak kepada anak-anak dagang itu ada dibawa di sana. Semuanya ini kalau kita periksa tidak lain dan tidak bukan bahawa tujuan kepada cita-cita memelayankan orang-orang Melayu itu dilangkahkan dengan terang-terang di hadapan orang-orang Melayu. Oleh yang demikian perhatilah tiap-tiap langkah itu dan berilah rancangan untuk kita yang dibawa oleh ketua-ketua kaum itu ke dalam persidangan-persidangan negeri, bukannya ketua-ketua kaum itu merancang apa yang difikirkannya sahaja oleh kerana kerap kali juga rancangan-rancangan seorang itu terpengaruh kepada nafsu yang akan membawa bencana kepada umum – cemburu dengan berfikir dan memandang sesuatu perkara itu adalah baik kepada berserah bulat sahaja kepada mereka itu adanya.



*Haji Rashidi, Menteri Utusan Indonesia di Mesir, (di tengah-tengah) sedang berbual-bual dengan ahli-ahli diplomatik Mesir dalam suatu jamuan yang diadakan oleh Jabatan Luar Mesir baru-baru ini – Gambar Muhammad Mastur Johari Mesir.*